



MUHAMMAD IZZAT HASAN

LATAR BELAKANG

Beliau memulakan kerjayanya di dalam bidang Penyiaran dan Filem sebagai *Handyman* sejak tamat persekolahan. Pada awalnya beliau hanya ingin mencuba dan tidak terlalu serius untuk berkecimpung di dalam industri ini namun setelah mempelajari dan mula timbulnya minat yang mendalam untuk terus mempelajari ilmu perfileman dan penyiaran secara serius, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi MARA (UiTM) sambil bekerja sebagai *Freelance* sehingga tamat pengajian.

PENCAPAIAN

Beliau yang memiliki Ijazah Sarjana Muda pernah memenangi pelbagai anugerah semasa pengajian seperti Festival Filem Pelajar Malaysia 2003, 2004, 2005 dengan karya filem pendek, eksperimentasi 'Tutupkan Air Itu', dokumentari *The Tearing Celluloid*, majalah dan iklan *Nokia 3650*.

Beliau juga tidak melepaskan peluang dalam menyertai pertandingan dalam Festival Filem Pendek Malaysia 'Cerita Satu Malam' yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada tahun 2007.

Beliau meneruskan kerjayanya sebagai *freelance* dengan lebih serius seperti menjadi Krew, Penerbit Teknikal, Pengarah dan juga Penerbit Rancangan Televisyen.

Antara program TV yang pernah beliau hasilkan adalah travelog *Zoom Malaysia*, *MTIB Capsule*, *My Australia Adventure*, dan banyak lagi. Untuk lebih berjaya di dalam kerjayanya, beliau telah membina empayar sendiri dengan membuka Syarikat Penerbitan Rancangan TV dan Video sebagai Penerbit Eksekutif.

Hal ini secara langsung telah mengajar erti susah payah dan jatuh bangun dalam industri dan dunia perniagaan di dalam hidup beliau. Sehingga kini, beliau masih aktif dalam penerbitan video dan pembangunan idea bersama-sama rakan seangkatannya.

Beliau merupakan Pensyarah di Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA.